

27 JAN 2002

Mahathir-Pekerja

SEKTOR PERKILANGAN DIGALAKKAN GUNA AUTOMASI

LANGKAWI, 27 Jan (Bernama) -- Sektor perkilangan hendaklah lebih banyak menggunakan automasi dalam mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja memandangkan kerajaan kini tidak menggalakkan pengambilan pekerja asing, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Rakyat kita bilangannya tidak cukup. Oleh sebab itu di sesetengah kilang yang berhawa dingin dipenuhi pekerja asing. Kita hendak kilang ini gunakan lebih banyak cara automasi," katanya.

Beliau berkata kerajaan memang perlu mengurangkan pekerja asing termasuk daripada Indonesia bagi mengelakkan wang negara mengalir keluar.

Adalah lebih baik pekerjaan di negara ini diisi oleh rakyat tempatan bagi mengelakkan pengaliran wang keluar dan pada masa yang sama mengelakkan risiko keganasan, katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian hadiah kepada pemenang kategori lelaki profesional Kejohanan Ironman Langkawi Malaysia 2002 di Dataran Lang di sini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Datuk Seri Aseh Che Mat di Kuala Terengganu hari ini bahawa kerajaan bercadang untuk mengurangkan separuh jumlah pekerja Indonesia yang berdaftar di negara ini.

Aseh dipetik sebagai berkata bilangan pekerja Indonesia yang berdaftar pada masa ini ialah kira-kira 900,000 orang dan kerajaan bercadang mengurangkannya kepada 450,000 hingga 500,000 orang.

Dalam pertandingan Ironman hari ini, juara bertahan Bryan Rhodes daripada New Zealand mengekalkan gelarnya, tempat kedua dimenangi Jason Shortis (Australia) dan Lothar Leder (Jerman) di tempat ketiga.

Perdana Menteri turut memuji penganjuran kejohanan Ironman itu yang membuktikan Malaysia mempunyai kepakaran dalam menganjurkan pertandingan yang melibatkan penyertaan antarabangsa.

"Kita harap dapat anjur kejohanan ini tiap-tiap tahun dan menarik penyertaan lebih ramai peserta khususnya rakyat tempatan. Kerajaan memang ada hasrat untuk menggalakkan banyak sukan jenis ekstrem bagi membolehkan belia kita menyertainya," katanya.

-- BERNAMA

MAN RON